

KAJIAN KRITIK MATAN HADIS BERUNSUR PETUA-PETUA GANJIL DALAM PERUBATAN: ANALISIS HADIS-HADIS PALSU TERPILIH

Nur Muhammad Anas Mohd Razak¹ & Mohd Arif Nazri²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, ibnurazak10@gmail.com

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, mohdarif@ukm.edu.my

DOI: 10.51200/kitab.v1i2.6060

ABSTRAK

Ahli-ahli hadis berusaha memelihara hadis-hadis Nabi SAW daripada dicemari oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan menetapkan kaedah tertentu untuk mengenali hadis-hadis bermasalah dan palsu. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan salah satu kaedah mengenali hadis palsu berdasarkan matan yang mempunyai unsur petua-petua ganjil dalam ilmu perubatan. Kajian ini diaplikasikan terhadap beberapa hadis palsu yang terpilih dalam kategori ini. Kajian menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Setiap data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan analisis kandungan. Kajian mendapati sebanyak 8 hadis palsu berdasarkan matan yang berunsur petua-petua aneh dan ganjil dalam perubatan. Hasil penelitian daripada kajian menunjukkan sebahagian amalan dan beberapa jenis makanan telah digunakan serta mengaitkannya kepada perubatan tertentu lalu menyandarkan kepada hadis Nabi SAW sebagai hujah. Kajian ini membawa implikasi positif dalam mendepani penyebaran hadis palsu dalam kalangan masyarakat yang semakin menular mutakhir ini. Harapan kajian adalah dapat menambah sumbangan kepada perbendaharaan ilmu mengenai kajian kritik hadis secara khusus di samping membantu umat Islam bersikap lebih cermat menerima hadis Nabi SAW lalu menyebarkannya tanpa semakan bagi memelihara martabat dan kedudukannya yang tinggi dalam agama Islam.

Kata Kunci: kritik, matan, palsu, petua, perubatan

ABSTRACT

Hadith experts strive to preserve the hadiths of the Prophet SAW from being tainted by those who are irresponsible by establishing certain methods to recognize problematic and false hadiths. Therefore, this paper studied the effectiveness of one of the methods of recognizing false hadiths based on matan that has odd medical tips. This study was applied to some selected false hadiths in this category and used literature review methodology. Each data obtained was analyzed using inductive methods and content analysis. The study discovered eight false hadiths based on matan which contain strange and odd medical tips. These false hadiths connect certain customs and food to medical practices and medicine using hadith of the Prophet SAW as an argument. This study has positive implications in dealing with the spread of false hadiths in society which is becoming increasingly contagious these days. Hopefully, this study would contribute to

the body of knowledge regarding the study of hadith criticism in particular while helping Muslim to be more cautious when accepting the hadith of the Prophet SAW and then disseminating it without revision in order to preserve his dignity and high status in the Islam.

Keywords: criticism, matan, false, tips, medic

PENGENALAN

Menyebarkan hadis palsu tanpa penerangan mengenai kepalsuannya merupakan salah satu dosa besar. Penipuan serta bersekongkol dengannya adalah suatu kesalahan di sisi agama lebih-lebih lagi sekiranya pembohongan itu menggunakan nama Allah SWT dan Nabi SAW. Implikasinya sangat besar dalam agama kerana melibatkan sumber hukum utama. Seseorang yang terpedaya dengan penipuan tersebut akan mengamalkan sesuatu yang dianggap *thabit* daripada wahyu sedangkan hakikatnya tidak demikian. Sekiranya kandungan atau dakwaan melalui pembohongan itu jelas bercanggah dengan fakta maka agama akan dilihat teruk serta dipersalahkan. Nabi SAW telah memberi amaran yang jelas:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلَيَّ أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَدِّدًا، فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: Sesungguhnya berbohong ke atasku tidak sama berbohong ke atas orang lain. Sesiapa yang berbohong ke atasku dengan sengaja, maka bersiaplah tempat duduknya di dalam neraka. (al-Bukhari, 2001)

Pemeliharaan hadis Nabi SAW telah berlaku sepanjang zaman. Sejak zaman para sahabat r.a. telah dilakukan pelbagai usaha memelihara hadis daripada diseleweng apatah lagi dipalsukan. Ahli-ahli hadis turut berusaha melakukan pelbagai perkara sehingga menyenaraikan beberapa kelompok yang pernah memalsukan hadis. Menurut Ibn al-Salah, golongan pemalsu hadis terdapat dalam beberapa kategori dan yang paling besar mudaratnya adalah kategori yang menyandarkan diri mereka kepada golongan zuhud. Mereka memalsukan hadis dengan dakwaan semata-mata mengharapkan pahala, maka manusia menerima tanpa menyemaknya disebabkan kepercayaan dan kecenderungan terhadap golongan tersebut. Kemudian, ulama-ulama hadis bangkit membongkarkan kejahatan tersebut dan melenyapkannya. (Ibn al-Salah, 1986)

Di samping itu, terdapat juga sebahagian ahli hadis berusaha mewujudkan metode khusus bagi memudahkan umat Islam mengenali hadis palsu melalui matan. Menurut Misfar al-Dumayni, Ibn al-Jawzi merupakan tokoh hadis yang memulakan langkah menetapkan kriteria-kriteria khusus bagi hadis palsu lalu dikembangkan lagi oleh seorang tokoh hadis kurun ke-7 yang bernama Ibn al-Qayyim. (al-Dumayni, 1984) Antara kriteria hadis palsu ialah matan hadis berunsurkan petua-petua ganjil dalam perubatan. Menurut Ibn al-Jawzi, Nabi SAW merupakan manusia paling bijaksana bahkan tidak ada dalam syariat yang dibawa oleh baginda bertentangan dengan perubatan. (Ibn al-Jawzi, 1966) Ibn al-Qayyim pun turut menetapkan antara ciri-ciri hadis palsu itu seakan-akan sesuai dengan huraian para doktor dan petua-petua ganjil yang berkaitan. Justeru, kertas kerja ini akan mengkaji kritikan matan terhadap hadis-hadis palsu yang berunsur petua-petua ganjil dalam perubatan.

METODOLOGI KAJIAN

Secara umum, kajian berkaitan dengan *naqd al-mutun* atau kritik matan hadis sangat luas untuk dibincangkan. Justeru, kertas kerja ini memfokuskan skop untuk memudahkan penyelidikan. Kajian menetapkan fokus terhadap beberapa hadis palsu terpilih yang berunsurkan petua-petua ganjil dalam ilmu perubatan.

Pengumpulan data dalam kajian ini mengaplikasikan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. (Sudirman & Hamid, 2016) Usaha ini membolehkan pengumpulan setiap data yang bersifat sekunder dapat dilakukan sebagai sokongan terhadap dapatan kajian. Fungsinya juga dapat memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian. Seterusnya, kajian ini dijalankan dengan analisis data yang telah dikumpul berdasarkan ulasan dan kritikan ahli-ahli hadis berdasarkan karya-karya mereka sebagai sumber primer. Kajian ini turut mengaplikasikan metode induktif iaitu membuat kesimpulan bersifat umum daripada data-data yang bersifat khusus untuk menganalisis segala data yang dikumpul.

KRITIK MATAN HADIS

Istilah kritik bermaksud analisis atau penilaian dan teguran terhadap sesuatu karya seni selain disebut sebagai teguran keras, kecaman dan bidaan. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) Menurut kesusasteraan Bahasa Inggeris, perkataan kritik yang disebut *critic* bermaksud dengan seseorang yang bercakap mengenai perkara yang tidak diterima pada seseorang atau sesuatu selainnya. (McIntosh, 2015) Kritik daripada sudut bahasa Arab kebiasaannya disebut dengan istilah *naqd*.

Menurut Ibn Faris, *Naqd* yang terdiri daripada huruf *Nun, Qaf, Dal* menunjukkan maksudnya mengeluarkan sesuatu yang zahir dan menonjolkannya. Begitu juga dalam bab ini *naqd* dirham adalah untuk mendedahkan keadaannya dalam kualiti atau sebaliknya. (Ibn Faris, 1979) Berdasarkan pendapat Ibn Manzur, maksud *naqd* dan *tanqad* adalah membezakan dirham serta menghilangkan yang palsu daripadanya. (Ibn Manzur, 1993) Istilah *naqd* pada sudut ilmu hadis pula bermaksud suatu penelitian bagi membezakan hadis-hadis yang sahih daripada kelompok hadis-hadis daif selain penilaian secara *jarh* dan *ta'dil* terhadap para perawinya dengan perkataan yang tertentu serta bukti-bukti yang dimaklumi oleh ahli hadis. (Abu Dawud al-Sajestani, 1979)

Matan berasal daripada bahasa Arab iaitu gabungan daripada huruf *al-mim, al-ta'* dan *al-nun*. Istilah ini membawa makna menunjukkan kepejalan sesuatu objek beserta lebar dan panjangnya. (Ibn Faris, 1979) Menurut ahli hadis, matan ialah apa yang terkandung setelah berakhirnya rantaian sanad. (al-Suyuti, 1994)

Secara umum, istilah kritik matan yang digabungkan bersama ini tidak ditemui definisi dalam kalangan ulama hadis dengan makna yang disepakati dan secara menyeluruh. (Hamdan al-Harbi, 2014) Kritik matan ini telah ditemui terminologinya dengan pelbagai pandangan oleh para pengkaji hadis. Menurut Shafeeq Vengara, kritik matan hadis membawa beberapa maksud dan salah satunya penyesuaian antara matan riwayat dan perkara yang bertentangan dengannya, sama ada yang dikemukakan oleh hadis atau al-Quran atau kaedah atau kefahaman rasional yang betul. Kedua, melakukan *tarjih* kepada sebahagian matan daripada matan yang lain. Ketiga, meninggalkan hadis yang diterima berdasarkan pertentangan kandungannya dengan nas atau akal yang sihat. Keempat, melakukan kritikan terhadap matan, sekalipun hadis itu termasuk dalam

kelompok hadis yang diterima ketika kritikan secara umum. Kelima, menolak hadis berdasarkan pertentangan kandungannya dengan nas atau kaedah atau konsep rasional termasuk juga dengan kesahihan rantai sanadnya. Berdasarkan beberapa definisi yang dinyatakan tersebut, definisi yang ketiga lebih banyak dilihat serta dipraktikkan dalam kalangan para ahli hadis. Selain itu, isu kritikan matan ini dalam kalangan ahli hadis semasa, mereka dilihat menggunakan definisi yang kelima dalam mengaplikasikan istilah ini sehingga merujuk kepada akal rasional untuk menyanggah sebahagian hadis-hadis yang bermasalah. (Vengara, 2018)

Ilmu kritik matan hadis merupakan sebuah metode ilmu yang terbentuk melalui beberapa kriteria menilai kesahihan hadis Nabi SAW melalui teks. Perkembangan ilmu ini berlaku berdasarkan beberapa peringkat sehingga menjadi sebuah ilmu yang sangat bermanfaat serta menyumbang kepada dunia ilmu Islam. Ilmu ini telah mengalami beberapa fasa. Menurut Abdul Aziz, terdapat lima fasa masa telah dibahagikan bermula dengan fasa awal iaitu ketika zaman Nabi SAW masih hidup. Kedua, kritik matan berlanjutan berlaku pada zaman para sahabat selepas kewafatan Nabi SAW. Ketiga, perkembangannya berlaku pada zaman para tabiin. Keempat, fasa ini berlaku pada zaman tabi tabiin. Kelima, proses perkembangan ilmu ini terus berlangsung malah dikembangkan dengan aplikasi pada zaman pasca tabi tabiin sehingga abad yang ketujuh hijrah. (Aziz, 2015)

HADIS DAN PERUBATAN

Hadis disebut dengan beberapa sinonim yang dikaitkan dengannya seperti *sunnah*, *khabar* dan *athar*. Perkataan hadis ini telah digunakan secara meluas dan meresap dalam kalangan umat Islam. Berdasarkan konteks penggunaan istilah ini di Malaysia, hadis difahami dengan maksud perbuatan atau kelakuan Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh para sahabat untuk menjelaskan sesuatu hukum dalam agama Islam. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) Pada sudut terminologi, ahli-ahli hadis berbeza dalam menetapkan definisi khusus namun secara umum semuanya menunjukkan maksud yang sama. Menurut Mahmud al-Tahhan, hadis bermaksud sesuatu yang datang daripada Nabi SAW sama ada dalam bentuk perkataan atau perbuatan atau persetujuan atau sifat. (al-Tahhan, 2010)

Kepentingan hadis dan kedudukannya sangat tinggi dalam Islam. Menurut Mustafa al-Siba'i, tiada perselisihan dalam kalangan ulama bahawa hadis Nabi SAW terbahagi kepada tiga kategori iaitu hadis menjadi penguat kepada al-Quran. Kedua, hadis menjadi penghurai terhadap isi kandungan al-Quran. Ketiga, hadis mengisytarkan kepada sesuatu hukum yang tiada nas daripada al-Quran. (al-Siba'i, 2000) Berdasarkan fungsi yang ketiga ini nyata menunjukkan peranan serta kedudukan hadis sebagai sumber hukum yang berautoriti khusus serta menjadi hujah yang mewajibkan kita beramal dengannya. (Abd. Rahman, 1996)

Menurut dewan bahasa dan pustaka edisi keempat, perubatan bermaksud perihal berubat yang berkaitan dengan ubat atau usaha mengubati. Menurut Ibn Sina, perubatan merupakan ilmu untuk mengetahui hal ehwal badan manusia dari sudut kesihatan dan sebaliknya bagi memelihara kesihatan supaya berhasil memulihkannya. (Ibn Sina, .)

Perubatan diumpamakan seperti syariat kerana berperanan membawa kemaslahatan kepada manusia dan menolak kemudaratan iaitu menjaga kesihatan manusia dan merawat mereka daripada penyakit. (Ibn Abd al-Salam, 1991) Syariat telah menjelaskan kepentingan ilmu perubatan serta hukum mendapatkan rawatan pada asalnya adalah harus. Hal ini bertepatan dengan salah satu *maqasid al-shari'ah* iaitu

untuk menjaga nyawa manusia. Namun begitu hukumnya boleh berubah-ubah mengikut situasi dan keadaan seseorang individu. (Ibn Hajar al-Haytami, 1983)

Berubat bagi mendapatkan rawatan terhadap sesuatu penyakit ialah salah satu ikhtiar untuk memperoleh kesembuhan malah hal ini tidak menafikan konsep tawakal kepada Allah. Apatah lagi dengan berusaha mengambil sebab-sebab yang diharuskan di sisi syarak adalah dituntut dalam agama. Walau bagaimanapun pegangan seseorang seharusnya kekal meyakini bahawa Allah yang mengizinkan sesuatu penyakit itu sembuh.

Menurut Mohd Asri Bin Zainul Abidin, kewujudan istilah perubatan Islam yang eksklusif dan hanya merujuk kepada jampi atau bahan-bahan yang disebutkan oleh Nabi s.a.w semata tidak wujud. Segala ubat yang mengikut disiplin ilmu perubatan yang betul maka ia adalah perubatan yang dibenarkan oleh syarak termasuk perubatan yang disebut khusus oleh Nabi SAW atau sebaliknya. Oleh hal demikian, setiap perubatan termasuk perubatan moden, cina, india, melayu melalui prosedur yang betul malah tidak berunsur perkara haram maka ia adalah perubatan yang diizinkan oleh Islam. Bahkan jika diyakini boleh menyembuhkan seseorang yang sakit, maka ia disuruh oleh Islam tanpa mengira asal usul perubatan tersebut. (Mohd Asri , 2020)

Terdapat beberapa hadis-hadis yang *thabit* daripada Nabi SAW menjelaskan kepentingan ilmu perubatan bahkan galakan mendapatkan rawatan bagi menyembuhkan penyakit. Galakan ini meliputi kaedah perubatan secara umum tanpa membatasinya kepada kaedah pengubatan yang tertentu. Nabi SAW bersabda berdasarkan riwayat Ahmad, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah:

عِبَادَ اللَّهِ ، تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً إِلَّا دَاءً وَاحِدًا الْهَرَمُ

Maksudnya: Berubatlah wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah tidak memberi penyakit melainkan menyediakan ubat baginya kecuali satu penyakit iaitu tua.

Selain itu, Nabi SAW turut bersabda dalam riwayat Muslim dengan lafaz:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: Bagi setiap penyakit terdapat ubat. Sekiranya betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah.

Menurut tokoh mazhab syafii, al-Nawawi menghuraikan berkenaan hadis di atas ini yang merupakan suatu isyarat bahawa sunat hukumnya berubat daripada penyakit malah perkara ini turut menjadi pegangan bagi ulama-ulama mazhab syafii serta sebahagian ulama salaf dan keseluruhan ulama khalaf. (al-Nawawi, 1972) Oleh itu, suatu kesilapan apabila konsep perubatan Islam dihadkan dengan cara pengubatan tertentu serta menolak kaedah-kaedah pengubatan lain yang telah dibuktikan kebenarannya. Lebih malang lagi apabila kaedah yang didakwa berdasarkan perubatan Islam itu diamalkan berasaskan sumber riwayat yang tidak *thabit* daripada Nabi SAW mahupun palsu. (Danial , 2015) Berdasarkan penerangan di atas, kajian merumuskan perkaitan rapat ilmu perubatan yang benar dan hadis sahih daripada Nabi SAW yang berperanan sebagai sumber hukum utama dalam agama Islam ini. Maka sudah pasti hal ini tidak akan berlaku percanggahan antara kedua-duanya.

HADIS BERUNSUR PETUA-PETUA GANJIL DALAM PERUBATAN

Sejarah membuktikan hadis palsu direka atas beberapa faktor dan antaranya adalah kerana seseorang yang berkepentingan pada sesuatu perkara lalu menjadikannya sebagai sumber mengaut keuntungan dunia. (Sati, 2018) Perubatan merupakan perkara asas yang penting perlu ada dalam kehidupan manusia. Meskipun, manusia diciptakan sebagai khalifah di bumi ini dengan pelbagai sifat kesempurnaan, hal ini tidak menafikan sifat semula jadi manusia itu sendiri lemah dan semestinya akan mengalami proses penuaan. Secara asasnya, sifat kejadian manusia diciptakan bersifat lemah pada awalnya kemudian menjadi kuat dan kembali lemah. Walaupun begitu, Allah SWT tidak menetapkan kepada hambanya semata-mata berserah kepada proses kejadian itu tanpa memberikan petunjuk supaya berikhtiar bagi menguatkan badan serta mendapatkan rawatan ketika sakit. Hakikatnya Allah SWT yang menyediakan penawar bagi segala jenis penyakit. (Muhammad Remy , Sayidah Asma , Khadher , Khalijah , & Zulkifli , 2022)

Berdasarkan kepentingan ini, terdapat sesetengah pihak memanfaatkan peluang terbuka ini untuk mengaut keuntungan dunia melalui agama dengan memalsukan hadis-hadis lalu menyandarkan kepada Nabi SAW. Justeru, bukan semua hadis-hadis tentang perubatan itu sahih, malah banyak yang palsu. (Mohd Asri , 2020)

Hal ini pernah dijelaskan oleh Ibn al-Qayyim yang juga pengarang pada kitab *al-Tib al-Nabawi*. Beliau memberi pandangan matan hadis berunsurkan petua-petua ganjil dalam perubatan merupakan salah satu daripada ciri-ciri hadis palsu. Kandungan teks hadis seumpama ini didapati mengandungi kaedah perubatan yang pelik malah menunjukkan seolah-olah ahli perubatan sahaja mengetahui hal tersebut. (Ibn al-Qayyim, 1970) Kajian dapat menyenaraikan sebanyak 8 hadis palsu yang berunsur petua-petua aneh dan ganjil dalam perubatan.

1. Hadis tentang kelebihan *al-Harisah* menguatkan tulang belakang

الْهَرِيْسَةُ تَشُدُّ الظَّهْرَ

Maksudnya: *Al-Harisah* menguatkan tulang belakang

Hadis ini direkod oleh al-'Uqayli dalam *al-Du'afa' al-Kabir* dengan lafaz yang lebih lengkap manakala sanadnya disandarkan kepada sahabat nabi yang bernama Abd al-Rahman Bin Abu Layla seperti berikut: "Jibrail a.s. meminta aku memakan *al-harisah* yang boleh menguatkan tulang belakang supaya memudahkan aku melakukan qiamullail." Al-'Uqayli menilai hadis ini sebagai palsu kerana terdapat salah seorang perawinya yang bernama Muhammad Bin Hajjaj al-Lakhmi al-Wasati dan berkata: "Hadis ini batil dan tidak mengikutnya melainkan orang seperti dia atau selainnya." (al-'Uqayli , 1984)

Hadis lain berkaitan *al-harisah*.

أَتَانِي جِبْرِيلُ بِهَرِيْسَةٍ مِنَ الْجَنَّةِ فَأَكَلْتُهَا فَأُعْطِيتُ قُوَّةَ أَرْبَعِينَ رَجُلًا فِي الْجَمَاعِ

Maksudnya: Telah datang kepadaku Jibrail dengan *Harisah* daripada syurga. Maka aku memakannya lalu dikurniakan kekuatan jimak seperti empat puluh orang lelaki.

Ibn al-Jawzi merekodkan kedua-dua hadis di atas bersama-sama hadis lain dalam satu bab yang lebih khusus iaitu kelebihan *al-harisah* kemudian mengatakan: “Pada hadis-hadis tersebut terdapat riwayat daripada Mu’adh r.a., Hudhayfah r.a., Ibn Abbas r.a., Jabir Bin Samurah r.a. dan Abu Hurayrah r.a.” (Ibn al-Jawzi, 1966) Beliau mengumpul seberapa banyak hadis yang berkaitan lalu menilai kesemuanya palsu. Menurut al-Daraqutni, Muhammad Bin al-Hajjaj yang meriwayatkan hadis seumpama ini adalah seorang pendusta dan merupakan *sahib al-Harisah*. (Ibn al-Jawzi, 1966)

Merujuk kamus *al-Wasit*, *al-Harisah* sejenis makanan pemanis yang diperbuat daripada tepung, mentega dan gula. (Mustafa, al-Ziyat, Abd al-Qadir, & al-Najar, .) Ibn al-Qayyim menyusun hadis ini dalam kumpulan matan hadis palsu yang berkaitan dengan petua-petua pelik dalam perubatan. (Ibn al-Qayyim, 1970) Hadis-hadis yang disandarkan kepada Nabi SAW tentang kelebihan *al-Harisah* ini banyak disebar secara meluas. Kandungannya juga jelas menunjukkan hal-hal berkaitan petua aneh dalam perubatan dan seolah-olah perkataannya tidak diucapkan melainkan daripada ahlinya sahaja. Matan hadis ini turut dibuktikan dengan dakwaan yang dilakukan oleh pihak yang berkepentingan dan ingin mendapatkan manfaat daripadanya.

2. Hadis tentang kelebihan tamar membunuh cacing dalam perut

كُلُوا التَّمَرَ عَلَى الرَّيْقِ فَإِنَّهُ يَقْتُلُ الدُّودَ

Maksudnya: Makanlah tamar ketika perut kosong kerana ia akan membunuh cacing.

Hadis ini direkodkan dengan perawinya yang bernama ‘Ismah Bin Muhammad Bin Fadalah Bin ‘Ubayd al-Ansari Madani oleh Ibn ‘Adi dalam kitab *al-Kamil fi al-Du’afa’ al-Rijal*. (Ibn Adi , 1984) Beliau menilai ‘Ismah Bin Muhammad dengan berkata: “Setiap hadis beliau *ghayr mahfuz* dan dia adalah dikenali sebagai *munkar al-hadith*.” (Ibn Adi , 1984) Ibn al-Jawzi turut memberi pandangan yang selari dengan Ibn ‘Adi. Menurut Ibn al-Jawzi, hadis kelebihan tamar ini tidak sahih daripada Nabi SAW kerana perawinya ‘Ismah Bin Muhammad. (Ibn al-Jawzi, 1966) Al-Dhahabi menghukum hadis ini sebagai palsu. (al-Dhahabi , 2003) Pada sudut matan, hadis ini jelas menunjukkan suatu petua ganjil dalam perubatan. Ibn al-Qayyim menetapkan matan hadis ini sebagai petua perubatan yang ganjil. (Ibn al-Qayyim, 1970)

Tamar merupakan buah kurma yang kering. (Majma' al-Lughah al-Arabiyah , .) Menurut kajian, tamar mempunyai 2 jenis gula iaitu *monosaccharide* (glukosa) dan gula *bilateral* (sukrosa). Jenis glukosa paling mudah diserap ke dalam darah berbanding gula *bilateral* (sukrosa). Tamar mengandungi peratusan gula *bilateral* yang lebih tinggi. Hal ini berbeza dengan rutab yang dikenali sebagai buah kurma yang basah mengandungi peratusan glukosa yang tinggi. Justeru, tamar memerlukan masa yang lebih lama untuk dicernakan berubah menjadi glukosa. (Ahmad Bazli , Selamat , & Zulkarnin , 2016) Berdasarkan pembuktian ini juga jelas mengisyaratkan hikmah kebijaksanaan Nabi SAW menggalakkan berbuka puasa dengan beberapa biji rutab melalui riwayat Abu Dawud kerana dapat memberi kesan dengan segera. (al-Albani, 2002) Kajian saintifik ini menunjukkan tamar sememangnya mempunyai beberapa khasiat. Namun demikian, tiada kajian yang dibuktikan bahawa tamar dapat membunuh cacing yang berada di dalam perut apatah lagi makan ketika perut kosong disebabkan dakwaan ini turut

bercanggah dengan galakan Nabi SAW supaya orang berpuasa ketika perut kosong terbuka dengan rutab dan bukannya tamar.

3. Hadis tentang kelebihan terung sebagai ubat segala penyakit

الْبَادِئُجَانُ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ

Maksudnya: Terung merupakan ubat bagi semua penyakit.

Ibn al-Jawzi merekodkan hadis ini dalam kitab *al-Mawdu'at* bersama salah seorang perawinya yang bernama Ahmad Bin Muhammad Bin Harb yang sudah masyhur dalam kalangan ahli hadis sebagai pemalsu hadis. (Ibn al-Jawzi, 1966) Ibn al-Jawzi mengkritik matan hadis ini kerana bertujuan untuk memburukkan syariat Nabi SAW kepada perkara yang tidak dituntut oleh hikmah dan perubatan malah beliau begitu tegas menyatakan kepada pemalsu hadis tersebut: “Hujan sesekali tidak menyirami kubur orang yang memalsukan hadis ini”. (Ibn al-Jawzi, 1966) Ibn al-Qayyim turut mengkritik matan hadis ini. Beliau berpandangan sekiranya terung menjadi penawar bagi demam, penyakit hitam (hempedu) dan pelbagai penyakit lain, maka sudah pasti terung akan menjadikannya lebih teruk. (Ibn al-Qayyim, 1970)

Terung merupakan salah satu jenis sayuran berwarna ungu yang memiliki nama ilmiah *Solanum Melongena* dan merupakan tanaman asli daerah tropis berasal daripada negara di Asia iaitu di India dan Sri Lanka. (Yanti, 2019) Terung mempunyai beberapa khasiat tertentu. Menurut Moch. Dawam Maghfoer, terung mengandungi 92.7% air, 1.3% serat, 0.3% mineral dan 4% yang terdiri daripada karbohidrat dan pelbagai vitamin. Ia juga salah satu sayuran yang mempunyai rendah kalori dan memiliki kuantiti mineral yang dapat memberi manfaat kepada manusia. (Maghfoer, 2018) Walaupun demikian, terdapat juga kajian yang membuktikan kesan negatif dengan memakan terung. Sesetengah buah terung terasa agak pahit dan merengsakan pelapik perut serta mampu mengakibatkan penyakit gastritis. Di samping itu, pokok terung dan genus berkait boleh menyebabkan artritis dengan ketara. (Wikipedia, 2022) Menurut Abdul Shukor, terung boleh menyebabkan ambeien atau dikenali dengan buasir, usus buntu, kanker, kusta, merosakkan warna kulit serta boleh menimbulkan bau busuk pada mulut. (Shukor, 2004)

Berdasarkan penyelidikan yang dinyatakan, maka jelas percanggahan dengan dakwaan dalam hadis yang menyatakan terung sebagai ubat segala penyakit kerana telah dibukti dari segi kajian saintifik ia turut mendatangkan penyakit kepada manusia. Kajian ini juga mendapati tiada penyelidikan ilmiah menyimpulkan bahawa sayur terung secara khusus dapat mengubati semua penyakit lebih-lebih lagi penyakit-penyakit yang kronik. Justeru, hal ini merupakan suatu pembuktian kandungan hadis tersebut bercanggah dengan akal rasional malah bertentangan dengan kajian saintifik yang telah dilakukan.

4. Hadis tentang kesan memakan ikan boleh memudaratkan badan

أَكْلُ السَّمَكِ يُذْهِبُ الْجَسَدَ

Maksudnya: Memakan ikan memudaratkan badan.

Hadis ini telah dikritik ramai ahli hadis daripada sudut sanad dan maknanya. Ibn al-Jawzi merekodkan hadis ini diriwayatkan oleh sebahagian perawi yang dikritik seperti al-Qasim, Abd al-Rahman Bin maghra' dan al-'Ala' Bin Maslamah al-Rawwas dalam kitab *al-Mawdu'at*. Menurut Ibn al-Jawzi, hadis ini tiada nilai pada sudut sanad atau makna matannya dan beliau mengharapkan kemungkinan berlaku kesilapan terhadap perawi yang terkeliru pada perkataan *al-jasad* dengan *al-hasad*. (Ibn al-Jawzi, 1966) Menurut al-Shawkani, hadis ini telah diriwayatkan al-Hakim daripada Abu 'Umamah secara *marfu'* manakala pada sanadnya terdapat sekumpulan perawi yang dikritik dan meriwayatkan hadith palsu daripada perawi *thiqah* dan beliau menyusun hadis ini dalam kitab himpunan hadis-hadis palsu. (al-Shawkani, 1995) Ibn al-Qayyim turut meletakkan hadis ini dalam himpunan hadis palsu berunsurkan petua pelik dalam perubatan dengan lafaz berbeza iaitu *yuwahhinu al-jasad* bermaksud melemahkan badan. (Ibn al-Qayyim, 1970)

Ikan merupakan sumber protein yang bagus dan penting untuk mengekalkan otot, organ dan saluran darah yang sihat. Menurut Darfizzi Derawi, protein boleh membantu menyokong pembahagian sel, pertumbuhan rambut, dan isyarat hormon. Iodin yang terdapat pada ikan merupakan mineral penting bagi tubuh badan disebabkan tubuh badan tidak dapat menghasilkannya sendiri malah berfungsi sebagai tiroid yang mengawal selera makan dan sistem imun badan manusia. Seterusnya, isi ikan mempunyai vitamin D, vitamin B12, besi, fosforus, dan niasin. Vitamin B12 yang terdapat dalam ikan adalah sangat bagus untuk menggalakkan pertumbuhan sel darah merah dan fungsi saraf yang sihat. Pengambilan vitamin B12 yang mencukupi dapat mengurangkan risiko terhadap keletihan kronik, anemia, demensia, dan penyakit jantung. (Derawi, 2022) Melalui kajian ini, memakan ikan jelas memberi manfaat yang banyak kepada manusia daripada sudut kesihatan. Percanggahan yang berlaku ini menggambarkan kandungan hadis tersebut sangat bermasalah kerana tidak selari dengan kajian saintifik yang telah dibuktikan secara teori dan praktikal.

5. Hadis tentang kelebihan memakan telur dan bawang

الَّذِي شَكَاَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَلَّةَ الْوَلَدِ فَأَمَرَهُ أَنْ يَأْكُلَ الْبَيْضَ وَالْبَصَلَ

Maksudnya: Seseorang mengadu kepada Nabi SAW kerana dikurniakan tidak ramai anak lelaki maka baginda memerintahkannya memakan telur dan bawang.

Matan hadis ini dicatat oleh Ibn Hibban dalam riwayat seorang perawi yang dikritik bernama Muhammad Bin Yahya Bin Dirar. Ibn Hibban mengkritik keras matan hadis ini sebagai palsu tanpa sebarang keraguan malah menegaskan tidak halal menyebut hadis seumpama ini dalam mana-mana kitab. (Ibn Hibban , 1976) Ibn al-Jawzi turut mengkritik dan menghukum matan hadis ini palsu dalam kitab *al-Mawdu'at*. (Ibn al-Jawzi, 1966) Ibn al-Qayyim menyusun hadis ini dalam kumpulan hadis-hadis palsu yang berunsur petua-petua ganjil dalam perubatan. (Ibn al-Qayyim, 1970)

Kajian tidak menafikan telur dan bawang memberi banyak khasiat bagi yang memakannya. Meskipun demikian, hal ini perlu seiring dengan realiti yang berlaku. Persoalan yang timbul betapa ramai pasangan yang sudah berkahwin tetapi belum dikurniakan zuriat lelaki telah berusaha dengan pelbagai perkara termasuk mengikut petua ini namun masih belum berhasil. Ini jelas menunjukkan kurniaan zuriat adalah

perkara ghaib dan hanya diketahui Allah. Dakwaan dalam hadis ini seakan-akan panduan yang benar pasti daripada Nabi SAW sedangkan bercanggah dengan realiti.

6. Hadis tentang larangan pembekaman di leher dan kepala

الْحِجَامَةُ عَلَى الْقَفَا تُورِثُ النِّسْيَانَ

Maksudnya: Berbekam pada leher akan mewarisi kelupaan.

Ibn al-Qayyim merekodkan matan hadis ini dalam karyanya kitab *al-Manar al-Munif*. Beliau menilai matan hadis ini kebatilannya terlalu jelas serta mustahil datangnya daripada perkataan Nabi SAW. (Ibn al-Qayyim, 1970) Selain itu, al-Sakhawi turut merekodkan hadis seumpama ini dalam kitab *al-Maqasid al-Hasanah* (al-Sakhawi, 1985) dengan lafaz:

الْحِجَامَةُ فِي نُقْرَةِ الرَّأْسِ تُورِثُ النِّسْيَانَ

Maksudnya: Berbekam di atas kepala akan mewarisi kelupaan.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Daylami pada jalur Umar Bin Wasil daripada Anas Bin Malik secara *marfu'*. Mulla Ali al-Qari mengkritik Umar Bin Wasil yang merupakan perawi yang telah dituduh sebagai penipu. (al-Qari, .) Menurut al-Shawkani, dalam periwayatan sanad bagi hadis ini terdapat perawi yang dituduh melakukan penipuan. (al-Shawkani, 1995)

Bekam atau dikenali dalam bahasa Arab sebagai *al-Hijamah* merupakan salah satu metode pengubatan dengan mengeluarkan darah kotor dari tubuh melalui permukaan kulit. (Drs. Kasmui, .) Berdasarkan pengamatan kajian, kedua-dua matan yang berkaitan dengan berbekam tersebut jelas bercanggah dengan sunnah yang jelas kerana Nabi SAW sendiri berbekam di leher berdasarkan riwayat Ahmad yang disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'ut (Ahmad, 1992), manakala baginda turut berbekam di kepala berdasarkan riwayat al-Bukhari (al-Bukhari, 2001). Sudah pasti setiap perkara yang dilakukan oleh Nabi SAW merupakan pilihan yang terbaik apatah lagi berdasarkan riwayat Muslim, baginda sendiri menegaskan berbekam ini adalah sebaik-baik perubatan. (Muslim) Oleh hal demikian, mustahil berbekam akan menjadi sesuatu yang memudaratkan seperti yang didakwa dalam kedua-dua matan hadis itu.

7. Hadis tentang kelebihan bulu hidung dapat mengelak penyakit kusta

نَبَاتُ الشَّعْرِ فِي الْأَنْفِ أَمَانٌ مِنَ الْجُدَامِ

Maksudnya: Bulu yang tumbuh di hidung adalah mengelak daripada penyakit kusta.

Hadis ini diriwayatkan pada beberapa jalur dan antaranya oleh al-Tabrani dalam kitab *al-Mu'jam al-Awsat*, (al-Tabrani, .) Ibn 'Adi dalam kitab *al-Kamil fi Dhu'afa al-Rijal* (Ibn Adi, 1984) dan al-Khatib al-Baghdadi dalam kitab *Tarikh Baghdad*. (al-Khatib al-Baghdadi, 2002) Kajian mendapati al-Tabrani dan Ibn 'Adi menyusun matan ini dalam kelompok

hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi lemah bernama Ash'as Bin Sa'id Abu al-Rabi' al-Samman. Menurut Yahya Ibn Ma'in, hadis ini batil tiada asal. (Ibn al-Jawzi, 1966) Demikian juga Ibn Abi Hatim mengkritik hadis ini palsu. (Ibn Abi Hatim al-Razi , 2006)

Berdasarkan penilaian daripada sudut matan, Abi Hatim menilainya tiada asal (Ibn al-Jawzi, 1966) manakala Ibn Hibban mengkritik matan hadis ini batil (Ibn Hibban , 1976). Ibn al-Qayyim mengkritik matan hadis ini palsu kerana kandungan ucapan tersebut tidak layak diungkapkan oleh para Nabi lalu turut menukilkan kritikan Ahmad Bin Hanbal tentang hadis ini merupakan perkataan yang sia-sia.” (Ibn al-Qayyim, 1970)

Penyakit kusta atau lebih dikenali dengan *Hansen's disease* atau *leprosy* merupakan penyakit yang digeruni ramai. Penyakit kusta merupakan disebabkan oleh jangkitan kuman *Mycobacterium leprae*. Jangkitan kuman ini boleh menyebabkan kesan sampingan serius pada kulit, saraf, mata serta bahagian dalam hidung. Penyebab utama penyakit kusta merebak apabila pesakit bersentuhan dengan individu yang sihat. Walaupun demikian, penyakit ini jarang sekali merebak melalui hubungan seks. Selain itu, faktor genetik dipercayai boleh membawa kepada punca berlakunya penyakit kusta ini. Punca lain yang membolehkan seseorang berisiko mendapat penyakit ini ialah sistem imun badan yang lemah. (Shafikah, 2023) Berdasarkan faktor-faktor yang dikaji, ia menunjukkan penyakit kusta ini adalah suatu penyakit yang mudah berjangkit dan tiada langsung berkaitan dengan bulu yang tumbuh di hidung apatah lagi dakwaan dengan bulu tersebut dapat mencegah penyakit kronik ini dijangkiti. Sebagai manusia yang berakal sudah pasti perkataan-perkataan seumpama ini tidak dapat diterima.

8. Hadis tentang kelebihan percampuran walnut dan keju sebagai ubat

الجُبْنُ دَاءٌ وَالْجُوزُ دَاءٌ فَإِذَا اجْتَمَعَا صَارَا شِفَاءَيْنِ

Maksudnya: Kacang walnut adalah penyakit manakala keju adalah penyakit. Sekiranya kedua-duanya bercampur, akan menjadi penyembuh.

Ibn al-Jawzi merekodkan matan hadis ini dalam kitab *al-Mawdu'at* bersama satu lagi lafaz yang berbeza daripada jalur lain. Beliau menghukum hadis ini sebagai suatu kepalsuan yang disandarkan kepada Nabi SAW. Ibn al-Jawzi turut mengkritik matan hadis seumpama ini bercanggah dengan hikmah. Menurut beliau lagi, Nabi SAW merupakan manusia paling bijaksana bahkan tidak ada dalam syariat yang dibawa oleh baginda bertentangan dengan hikmah serta bercanggah daripada perubatan. (Ibn al-Jawzi, 1966) Ibn al-Qayyim turut mengkritik matan hadis seumpama ini dengan menetapkannya sebagai lafaz yang mengundang celaan bagi sesiapa yang mendengarnya. Beliau menyatakan kepada pemalsu hadis ini: “Semoga Allah melaknat orang yang berdusta atas nama Nabi SAW.” (Ibn al-Qayyim, 1970) Dakwaan daripada kandungan hadis ini sememangnya satu bentuk penghinaan kepada Nabi SAW. Tuntasnya, kandungan hadis seumpama ini berunsurkan petua aneh yang direka tanpa sebarang bukti kebenarannya.

PENGARUH HADIS PERUBATAN PALSU TERHADAP PETUA-PETUA TEMPATAN

Melalui analisis hadis-hadis palsu terpilih di atas, kajian mendapati beberapa petua-petua ganjil dalam kalangan masyarakat tempatan dilihat sama dengan isu-isu hadis palsu yang dibahaskan. Sebahagian petua-petua tempatan berasal daripada kaedah-kaedah perubatan yang disandarkan kepada agama Islam termasuk daripada hadis-hadis palsu. Di antara buktinya, dakwaan mereka yang bertanggungjawab mengemukakan petua-petua pelik ini kerana mempelajari dengan guru-guru tertentu lalu menerima ijazah untuk mengamalkannya sebagai hujah konkrit menyebarkan kepada masyarakat. Kegusaran timbul apabila pengamal-pengamal perubatan seumpama ini menyebarkan setiap yang dipelajari tanpa melakukan sebarang verifikasi terhadap kebenaran sumber sesuatu perkara tersebut. Hal ini kerap berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan sehingga mewujudkan petua-petua ganjil dalam perubatan yang bercanggah dengan pembuktian kajian saintifik.

Kajian berusaha membuktikan hal ini dengan beberapa contoh. Menurut Abdul Shukor, di antara khasiat tamar apabila dimakannya ketika perut kosong, ia dapat membunuh cacing. Beliau menyatakan: "Orang yang sentiasa memakannya sebelum memakan makanan yang lain dapat membasmi cacing serta sumbernya sampai ke akar-akarnya." (Shukor, 2004) Daripada dakwaan beliau ini, jelas selari dengan mesej daripada matan hadis palsu yang dibincangkan. Selain itu, mengenai kelebihan memakan telur dan bawang yang didakwa dalam hadis boleh memudahkan zuriat lelaki dilihat hampir sama dengan petua tempatan. Menurut Azhari Ibrahim, khasiat bawang mampu menghasil serta menambahkan kuantiti air mani. (Ibrahim, 2012) Kajian mendapati tiada bukti yang dikemukakan dalam menyokong pernyataan tersebut. Hal ini merupakan sebahagian petua-petua pelik yang jelas sama malah seakan-akan dipengaruhi dengan hadis-hadis palsu yang dibincangkan dalam kajian. Implikasi penggunaan sumber berdasarkan hadis-hadis palsu seumpama ini memberi gambaran negatif malah merosakkan pandangan manusia terhadap agama Islam itu sendiri.

KESIMPULAN

Islam merupakan agama syumul yang merangkumi segenap aspek dan ceruk kehidupan manusia di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa berasaskan risalah Nabi SAW. Oleh itu, perubatan tidak dapat dipisahkan daripada akidah, syariat, akhlak dan bidang-bidang lain. Ia berkait antara satu sama lain. Sebagai satu cara hidup yang sempurna, Islam konsisten memelihara tiga keperluan utama manusia iaitu meliputi perkara *dururiyat*, *hajjiyat* dan *tahsiniyat*. Sehubungan dengan itu, sudah pasti setiap perkara yang dibawa oleh baginda Nabi SAW tidak akan bercanggah dengan realiti dan keperluan manusia itu sendiri.

Nabi SAW menyampaikan setiap perkara berdasarkan sumber wahyu daripada ALLAH SWT melalui al-Quran dan sunnahnya. Hadis Nabi SAW atau sunnah menjadi sumber utama umat Islam dalam menjalani kehidupan beragama di dunia ini. Pemeliharaan kedudukan hadis sebagai khazanah suci perlu sentiasa diutamakan daripada dicemari usaha-usaha jahat. Setiap usaha melakukan pemalsuan terhadap hadis Nabi SAW harus dibanteras sebaiknya.

Justeru, kertas kerja ini berusaha mendedahkan sedikit sebanyak tentang hadis-hadis palsu yang berunsurkan petua-petua ganjil serta bercanggah dengan pembuktian saintifik dalam ilmu perubatan. Agama Islam tidak boleh dilihat sebagai alat yang digunakan untuk sebarang kepentingan dunia sehingga menyalahi realiti sebenar dengan

melakukan rekaan-rekaan yang bercanggah dengan akal serta kajian saintifik lalu menyandarkan perkara tersebut kepada perkataan Nabi SAW yang mulia.

RUJUKAN

- Abd. Rahman, M. (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 4, 27-40.
- Abu Dawud al-Sajestani, S.-A. (1979). *Su'alat Abi Abid al-Ajri Aba Dawud al-Sajestani fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Madinah al-Munawwarah: 'Imadah al-Bahath al-'Ilmi bi al-Jami'ah al-Islamiah al-Madinah al-Munawwarah.
- Ahmad Bazli , A., Selamat , A., & Zulkarnin , Z. (2016). Salah Faham dalam amalan pemakanan kurma menurut al-Quran dan al-Hadith: Penilaian Terhadap Tejemahan Makna Kalimah al-Rutab al-Tamr. Dalam M. Mohd Yakub @ Zulkifli, A. Khadher , & A. Monika@ Munirah, *Penyelidikan Tentang Makanan Perspektif Nabawi Dan Saintifik* (hlm. 119). Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ahmad, H. (1992). *Musnad al-Imam Ahmad Bin Hanbal*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- al-'Uqayli , M. (1984). *al-Du'afa' al-Kabir*. Beirut: Dar al-Maktabah al-'Ilmiah.
- al-Albani, M.D. (2002). *Sahih Sunan Abi Dawud*. Kuwait: Mu'asasah Ghuras.
- al-Bukhari, M. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Damsyik: Dar Tuq al-Najah.
- al-Dhahabi , M. (2003). *Tarikh al-Islam*: Dar al-Gurb al-Islami.
- al-Dumayni, M. (1984). *Maqayis Naqd Mutun al-Sunnah*. Riyadh: .
- al-Khatib al-Baghdadi , A. (2002). *Tarikh Baghdad*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Nawawi, Y. (1972). *al-Minhaj sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Qari, M. (.). *al-Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhbar al-Mawdu'ah*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- al-Sakhawi , M.-R. (1985). *al-Maqasid al-Hasanah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Shawkani, M. (1995). *al-Fawa'id al-Majmu'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- al-Siba'i, M. (2000). *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tashri'*. .: Dar al-Waraq.
- al-Suyuti, A.-R. (1994). *Tadrib al-Rawi fi sharh Taqrib al-Nawawi*. Riyadh: Maktabah al-Kawthar.
- al-Tabrani, S. (.). *al-Mu'jam al-Awsat*. Kaherah: Dar al-Haramayn.
- al-Tahhan, M. (2010). *Taysir Mustalah al-Hadith*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Aziz, A. (2015, . .). Periodisasi Kritik Matan Hadis (Analisis Perkembangan Metodologi Kritik Matan Hadis sejak Periode Permulaan sampai Periode Pasca Atba al-Tabi'in). *Tesis Sarjana*. ., Yogyakarta, Indonesia: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Danial , Z. (2015). *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden*. Selangor: PTS Millennia SDN BHD.
- Derawi, D. (2022, Mac 4). *Amalkan Mengambil Ikan Dalam Diet Sehariannya*. Didapatkan 2023, daripada <https://www.majalahsains.com/>: <https://www.majalahsains.com/amalkan-mengambil-ikan-dalam-diet-sehariannya/>

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Drs. Kasmui, M. (.). *Bekam Pengobatan Menurut Sunnah Nabi*. Semarang: .
- Hamdan al-Harbi, N. (2014, . .). Ma'ayir Naqd Matn 'ind Imam al-Khattabi. *Tesis Sarjana*. , Arab Saudi: Taibah University.
- Ibn Abd al-Bar, Y. (1990). *al-Tamhid lima fi al-Mawata min al-Ma'ani wa al-Asanid*. : Wizarah 'Umum al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah.
- Ibn Abd al-Salam, A.-A.-S. (1991). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiyah.
- Ibn Abi Hatim al-Razi , A.-R. (2006). *al-'Ilal li Ibn Abi Hatim*. : Matabi al-Humaydi.
- Ibn Adi , A.-J. (1984). *al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal*. Beirut: Kutub al-Ilmiyah.
- Ibn al-Jawzi, A.-R. (1966). *al-Mawdu'at*. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Ibn al-Qayyim, M. (1970). *al-Manar al-Munif fi al-Sahih wa al-Da'if*. Halab: Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyah.
- Ibn al-Salah, U.-R. (1986). *Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Ibn Faris, A. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. : Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. (1960). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. (2002). *Lisan al-Mizan*. Beirut: Mu'asasah al-A'lami.
- Ibn Hajar al-Haytami, A. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj fi sharh al-Minhaj*. : Al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
- Ibn Hibban , M. (1976). *al-Majruhin min al-Muhaddithin*. Halab: Dar al-Wa'i.
- Ibn Manzur, M. (1993). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Sina, A. (.). *al-Qanun fi al-Tib*. : .
- Ibrahim, A. (2012). *Ubat-Ubatan Tradisional Melayu & Doa-Doa Penawar Penyakit & Rahsia Kebaikan Surah al-Fatihah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- M. Suryadinata. (2016). Kritik Matan Hadis: Klasik Hingga Kontemporer. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 2(2), 111-129.
- Maghfoer, M. (2018). *Teknik Pemupukan Terung Ramah Lingkungan*. Malang: UB Press.
- Majma' al-Lughah al-Arabiyah , b.-Q. (.). *Mu'jam al-Wasit*. : Dar al-Da'wah.
- McIntosh, C. (2015). *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition*. United Kingdom: University of Cambridge.
- Mohd Asri , Z. (2020, Mac 24). *Perubatan Islam: Istilah Yang Disalahgunakan*. Didapatkan November 9, 2023, daripada <https://muftiperlis.gov.my/>: <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/281-perubatan-islam-istilah-yang-disalahgunakan>
- Muhammad Remy , O., Sayidah Asma , B., Khadher , A., Khalijah , A., & Zulkifli , M. (2022). Perubatan Islam: Analisis Perkembangan, Kesan, Dan Permerkasaan Di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 28, 25-47.
- Muslim, H. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Mustafa, I., al-Ziyat, A., Abd al-Qadir, H., & al-Najar, M. (.). *al-Mu'jam al-Wasit*. .: Dar al-Da'wah.
- Saputra, T. (2008, . .). Kritik Matan Hadis: Studi Komparatif Pemikiran Ibn Qayyim al-Jauziyyah dan Muhammad al-Ghazali. *Tesis Sarjana*. ., Yogyakarta, Indonesia: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Sati, A. (2018). Hadis Palsu dan Hukum Meriwayatkannya. *Jurnal El-Qanuny*, 4(1), 1-15.
- Shafikah, R. (2023, Januari 30). *Apakah Itu Penyakit Kusta*. Didapatkan dari <https://care.upm.edu.my/>:
https://care.upm.edu.my/artikel/apakah_itu_penyakit_kusta-71118
- Shukor, A. (2004). *Jenis-jenis Penyakit dan Cara Merawatnya menurut Nabi SAW*. Kuala Lumpur, Malaysia: Jasmin Enterprise.
- Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Umar, A. (2011). . Budaya Kritik Ulama Hadis Perspektif Historis dan Praktis. *Jurnal Mutawatir*, 1(2), 197.
- Vengara, S. (2018, . .). Naqd Matn al-Hadith: Tarikhhu wa Maqayisuhu wa manahij al-'Ulama' Fih. *Tesis Sarjana*. ., Kerala, India: Darul Huda Islamic University.
- Wikipedia, e. (2022, Oktober 3). *Terung*. Didapatkan dari <https://ms.wikipedia.org/>:
<https://ms.wikipedia.org/wiki/Terung>
- Yanti, E. (2019). *Mudah Menanam Terung: Kiat, Manfaat dan Budi Daya*. Jakarta: Penerbit Bhuana Ilmu Populer.